



Pena Jauhar Siri 1

Penulis Utama:

Azmi Rohani¹, Abdul Rahim Ramli², Lukman Abu Bakar³, Rosman Md. Yusoff⁴, Khairunesa Isa⁵

E-mel:

azmi@johor.gov.my¹, rosmanmy@uthm.edu.my⁴, nesa@uthm.edu.my⁵

Abstrak: Penerbitan Buku Pena Jauhar ini melibatkan kerjasama antara Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dengan Institusi Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan penulisan Pegawai Tadbir Negeri Johor. Buku Pena Jauhar ini menghimpunkan 12 penulisan yang diolah oleh 19 orang penulis yang terdiri daripada Pegawai Tadbir Negeri Johor dan ahli akademik UTHM. Buku ini didasari oleh hasil pengamatan, peninjauan, penelitian dalam bidang dan skop kerja serta sudut ilmiah para penulis. Buku ini dapat memberikan pendedahan dan penjelasan kepada pembaca mengenai sebahagian daripada dasar transformasi dan gerak kerja susunan pentadbiran di Negeri Johor.

Bab 1 meninjau tentang Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor yang memberikan penjelasan dan kesedaran mengenai butiran-butiran penubuhan yayasan ini. Bab seterusnya memfokuskan penulisan kepada pengurusan adat istiadat dan majlis pelantikan Setiausaha Kerajaan Johor. Bab 3 pula adalah mengenai Model Pembangunan Lestari Negeri Johor yang mendukung matlamat agenda Bajet 2017. Penulisan Bab 4 dan 5 pula masing-masing adalah mengenai transformasi pengambilan tanah dan proses bantahan dalam pengambilan tanah. Seterusnya adalah Bab 6 yang memberikan kupasan mengenai impak-impak pelaksanaan projek penswastan pembangunan tanah. Pengurusan dan juga pelbagai proses yang melibatkan sumber air disusun dan diperihalkan dalam Bab 7. Bab 8 giat membincangkan mengenai pengurusan pembangunan wanita dan peranan-peranan wanita dalam pembangunan sesebuah keluarga. Penulisan seterusnya membincangkan mengenai ukuran penilaian prestasi ke arah pelaksanaan yang lebih kreatif. Peranan komitmen pekerja dalam gaya kepimpinan juga digali dan dikupas dalam salah satu himpunan wadah penulisan buku ini. Berbekalkan wacana kreativiti, Bab 11 membincangkan mengenai Laman Kreatif (Street Arts) yang telah menjadi platform pemasaran dan penghargaan elemen kreatif di bandar Kluang sehingga mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Penulisan yang terakhir pula menerangkan mengenai persediaan yang dilakukan oleh Majlis Sukan Negeri Johor (MSNJ) dalam menuju ke Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) pada tahun 2020.

Kata Kunci: Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Pegawai Tadbir Negeri Johor





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

Pena Jauhar

SIRI 1

Azmi Rohani
Abdul Rahim Ramli
Lukman Abu Bakar
Rosman Md. Yusoff
Khairunesa Isa



Penulisan Ilmiah Pegawai Tadbir Negeri Johor



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

Pena Jauhar

SIRI 1

Azmi Rohani
Abdul Rahim Ramli
Lukman Abu Bakar
Rosman Md. Yusoff
Khairunesa Isa



Penulisan Ilmiah Pegawai Tadbir Negeri Johor





© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2017

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Pengkatalogan Data Penerbitan

Azmi Rohani

Pena Jauhar. SIRI 1 / Azmi Rohani, Abdul Rahim Ramli, Lukman Abu Bakar, Rosman Md. Yusoff, Khairunesa Isa.

Includes index

ISBN 978-967-2110-37-8

1. Public administration--Malaysia--Johor. 2. Civil service--Malaysia--Johor. 3. Johor (Malaysia)--Social conditions. I. Abdul Rahim Ramli. II. Lukman Abu Bakar. III. Rosman Md. Yusoff. IV. Khairunesa Isa. V. Judul.

354.595119

Diterbitkan oleh:

Penerbit UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

86400 Parit Raja,

Batu Pahat, Johor

No. Tel: 07-453 7051 / 7454

No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>

E-mel: pt@uthm.edu.my

<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia
(MAPIM)

Dicetak oleh:

PERCETAKAN IMPIAN SDN. BHD.

No. 10, Jalan Bukit 8,

Kawasan Perindustrian Miel,

Bandar Baru Seri Alam,

81750 Masai, Johor





Penulis Bersama

Mohd Anizam Jamian

Hazlina Jalil

Abdul Rahim Ramli

Kassim Thukiman

Suhailizan Suliman

Amirul Haffiz Ariff

Azmi Rohani

Abdul Rashid A. Rahman

Khalid Jusoh

Salwahida Mohd Mohaiyidin

Mohamed Afiq Zubir

Ismail Abu

Nasri Md Ali

Mohamad Shahrudin Rosdi

Natazha Hariss

Rosman Md. Yusoff

Rozilah Kasim

Abd Rahman Ahmad

Khairunesa Isa





ISI KANDUNGAN

<i>Senarai Rajah</i>		<i>ix</i>
<i>Senarai Jadual</i>		<i>xiii</i>
<i>Aspirasi YB Setiausaha Kerajaan Johor</i>		<i>xv</i>
<i>Prakata</i>		<i>xvii</i>
<i>Latar Belakang dan Peranan Pegawai Tadbir Negeri Johor</i>		<i>xix</i>
Bab 1	Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor: Suatu Transformasi Perkhidmatan Kebajikan dan Kesihatan Negeri Johor <i>Mohd Anizam Jamian</i>	1
Bab 2	Pengurusan Istiadat dan Majlis Pelantikan Setiausaha Kerajaan Johor <i>Hazlina Jalil, Abdul Rahim Ramli</i>	37
Bab 3	Johor Berkemajuan, Berbudaya dan Berteknologi: Model Pembangunan Lestari <i>Rosman Md. Yusoff, Kassim Thukiman</i>	51
Bab 4	Pengambilan Tanah di Johor: Suatu Transformasi Baru <i>Azmi Rohani</i>	59
Bab 5	Proses Bantahan dalam Pengambilan Tanah : Prosedur yang Perlu Difahami <i>Amirul Haffiz Ariff, Suhailizan Suliman</i>	77
Bab 6	Impak Pelaksanaan Projek Penswastan Pembangunan Tanah di Negeri Johor <i>Natazha Hariss</i>	93
Bab 7	Cabaran Pengurusan Sumber Air di Johor <i>Abdul Rashid A. Rahman</i>	107





Bab 8	Pengurusan Pembangunan Wanita: Pengalaman Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim <i>Khalid Jusoh</i>	119
Bab 9	Penilaian Prestasi: Kriteria ke Arah Pelaksanaan yang Lebih Efektif <i>Abd Rahman Ahmad, Salwahida Mohd Mohaiyidin, Rozilah Kasim</i>	139
Bab 10	Peranan Komitmen Pekerja dalam Hubungan Antara Gaya Kepimpinan dan Keberkesanan Organisasi <i>Khairunesa Isa, Rosman Md. Yusoff, Rozilah Kasim</i>	147
Bab 11	Laman Kreatif Majlis Perbandaran Kluang: 'Connecting the Dots' <i>Ismail Abu, Nasri Md Ali, Mohamad Shahrudin Rosdi</i>	163
Bab 12	Sukan Malaysia (SUKMA) Persiapan Majlis Sukan Negeri Johor Menuju SUKMA 2020 <i>Mohamed Afiq Zubir</i>	185
	<i>Lampiran</i>	203
	<i>Bibliografi</i>	209
	<i>Indeks</i>	225





SENARAI RAJAH

RAJAH 1.1	Poster #FightLikeJalil	2
RAJAH 1.2	Empat Teras Kredibiliti	9
RAJAH 1.3	Foto Kenangan	11
RAJAH 1.4	Kolaborasi Agensi dalam Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor	12
RAJAH 1.5	Objektif Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor	13
RAJAH 1.6	Organisasi Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (peringkat awal)	14
RAJAH 1.7	Carta Organisasi dan Ringkasan Tugas Jawatankuasa Pengurusan	16
RAJAH 1.8	Carta Organisasi dan Ringkasan Tugas Jawatankuasa Teknikal	18
RAJAH 1.9	Logo Utama Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor	21
RAJAH 1.10	Logo Kedua Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor	22
RAJAH 1.11	Poster Kempen “ <i>Please Respect The Work And The Law</i> ”	22
RAJAH 1.12	Kumpulan Pertama Penerima Bantuan Perubatan YKTLJ	25
RAJAH 1.13	Aktiviti-aktiviti di KOYTLJ	26
RAJAH 1.14	Gambaran Artis, Projek Pembinaan PROYTLJ	27
RAJAH 1.15	Program Lawatan YKTLJ ke Rumah Pesakit Kanser	28





SENARAI JADUAL

JADUAL 4.1 (a)	Projek-Projek Pengambilan yang Melaksanakan Paradigma Proses Baru	72
JADUAL 4.1 (b)	Projek-Projek Pengambilan yang Melaksanakan Paradigma Proses Baru	73
JADUAL 4.2	Pembaharuan Fasa Pengambilan	74
JADUAL 6.1	Garis Panduan Kerjasama Awam-Swasta, UKAS (Jabatan Perdana Menteri, 2016)	96
JADUAL 6.2	Syarat Kelulusan Projek Penswastaaan	101
JADUAL 6.3	Syarat Pulangan Kerajaan	102
JADUAL 7.1	Kadar Lesen dan Cukai Tahunan Untuk Lesen Air Domestik	113
JADUAL 7.2	Kadar Lesen dan Cukai Tahunan Untuk Lesen Air Industri	113
JADUAL 7.3	Kadar Lesen dan Cukai Tahun untuk Jeti	114
JADUAL 7.4	Kadar Lesen dan Caj Tahun 2014	117
JADUAL 7.5	Hasil Semasa dan Tunggakan (Dari Tahun 2010-2016)	117
JADUAL 7.6	Jenis-jenis Pungutan Hasil Air Tahun 2016	118
JADUAL 8.1	Peta Sempadan Daerah dan Pentadbiran di Johor	120
JADUAL 12.1	Senarai Tuan Rumah Temasya SUKMA	187
JADUAL 12.2	Jenis dan Acara Sukan	189
JADUAL 12.3	Senarai Juara Sukan Malaysia 1986 – 2016	190
JADUAL 12.4	Statistik Pencapaian Kontinjen Johor	191
JADUAL 12.5	Pembahagian Pingat	196





ASPIRASI YB SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Alhamdulillah, lafaz kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmat dan inayah-Nya, cetusan idea untuk menerbitkan PENA JAUHAR yang menghimpunkan penulisan ilmiah yang dihasilkan sendiri oleh Pegawai – Pegawai Tadbir Negeri Johor telah disambut baik dan dapat direalisasikan. Perkhidmatan Tadbir Negeri adalah satu institusi penting dalam pentadbiran Negeri Johor yang berperanan sebagai nadi pelaksana dasar pembangunan dan dalam masa yang sama memelihara kepentingan rakyat dan Negeri. Pena Jauhar ini merupakan salah satu platform yang disediakan untuk melahirkan Pegawai Tadbir Negeri Johor yang memiliki kepelbagaian bakat merentasi generasi yang mampu mencernakan idea, perspektif dan cara bekerja yang baharu.

Melalui platform penulisan seperti ini, pegawai-pegawai dan *Subject Matter Expert* bagi semua peringkat perjawatan di Perkhidmatan Tadbir Negeri boleh berkongsi pengetahuan dan pengalaman mengikut subjek kepakaran masing – masing. Pendekatan ini boleh menjadi asas utama bagi memastikan kelestarian budaya ilmu di kalangan Pegawai Tadbir Negeri Johor akan berterusan pada masa hadapan. Usaha menyuburkan budaya pemeraksanaan dan perkongsian ilmu dalam kalangan warga Pegawai Tadbir Negeri Johor ini sekaligus dapat mengecilkan jurang pengetahuan dan pengalaman di antara pegawai yang lama dan juga yang masih baharu.

Penerbitan himpunan penulisan Pegawai Tadbir Negeri Johor adalah sebahagian daripada proses transformasi budaya organisasi yang mengutamakan penambahbaikan berterusan dan pembelajaran sepanjang hayat. Pembelajaran sepanjang hayat akan menjadikan Pegawai Tadbir Negeri Johor lebih berkompentensi dan mencipta budaya kerja berprestasi tinggi. Dalam masa yang sama, kita juga telah mula melaksanakan program latihan secara sistematik berasaskan kepada keperluan sebenar organisasi. Hal ini termasuklah penglibatan secara



PRAKATA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, buku bertajuk 'Pena Jauhar' ini berjaya disiapkan. Buku ini terhasil daripada perkongsian bestari di antara Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dengan Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan merupakan himpunan artikel penulisan Pegawai Tadbir Negeri Johor. Sintesis di antara pengalaman kerja perkhidmatan pentadbiran dalam kalangan Pegawai Tadbir Negeri Johor dengan kepakaran penulisan dan penerbitan ahli akademik UTHM mampu memberi kesan sinergi ke arah pencapaian visi Gagasan Johor Berkemajuan.

Saya yakin Pena Jauhar dapat merealisasikan hasrat kerajaan negeri untuk melahirkan pegawai tadbir yang berpengetahuan, dinamik dan berprestasi tinggi, bahkan ia juga dapat membina dan membentuk peradaban Bangsa Johor yang lebih unggul menerusi perkongsian pengetahuan. Bagi pihak TRANSFORM, UTHM, saya amat bersyukur kerana dapat menyumbang bakti kepada pelaksanaan ejenda Johor Berkemajuan melalui aktiviti seperti ini. Diharapkan, kerjasama di antara Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dan TRANSFORM dapat diteruskan pada masa akan datang dan kerjasama ini boleh diperluaskan lagi dalam kerja penyelidikan dan perundingan.

Selaku pengarah TRANSFORM, UTHM saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Permodalan Darul Takzim (PDT) dan Pegawai Tadbir Negeri Johor selaku penulis utama buku ini. Semoga Allah merahmati segala usaha dan tenaga yang





LATAR BELAKANG DAN PERANAN PEGAWAI TADBIR NEGERI JOHOR

Pegawai Tadbir Negeri Johor (PTNJ) atau lebih dikenali dengan nama *Johor Civil Service* (JCS) merupakan salah satu di antara anggota perkhidmatan yang terawal ditubuhkan di Negeri Johor. PTNJ memainkan peranan penting kepada perkhidmatan kerajaan yang diterajui DYMM Sultan Johor ketika itu dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah cekap dan terbaik kepada rakyat Johor.

Tarikh sebenar kelahiran PTNJ secara tepat adalah tidak dapat ditentukan. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor telah wujud pada tahun 1873 di mana Datuk Bentara Jaafar Bin Haji Muhammad memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Johor yang pertama. Pada tahun 1880 hingga 1890an, Pentadbiran Negeri semakin berkembang di mana Sekretariat Negeri bertanggungjawab terhadap perhubungan luar negeri dan membangunkan pusat – pusat pentadbiran baharu di peringkat jajahan.

Pada tahun 1895 – 1917, pengukuhan pentadbiran negeri mula wujud apabila pengambilan calon ke Perkhidmatan Awam Johor dibuat berdasarkan kepada kelayakan pendidikan, kebolehan, pengalaman dan kekerabatan. Pada akhir abad ke-19, unit pentadbiran daerah telah diwujudkan iaitu daerah Muar, Batu Pahat, Endau, Kota Tinggi, Kukup, Segamat dan Chohong. Pada ketika itu, daerah Muar dan Batu Pahat ditadbir oleh Pesuruhjaya Kerajaan, Endau pula ditadbir oleh Naib Pesuruhjaya Kerajaan manakala daerah Kota Tinggi, Segamat, Kukup dan Chohong pula ditadbir oleh Pegawai Daerah.

Peranan PTNJ dalam memacu pelbagai agenda kerajaan negeri amatlah ketara dengan penglibatan dan kecekapan dalam melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan. PTNJ sedar bahawa mereka mewarisi sistem kerajaan yang diasaskan dengan nilai dan pemikiran





BAB 1

YAYASAN KANSER TUNKU LAKSAMANA JOHOR: SUATU TRANSFORMASI PERKHIDMATAN KEBAJIKAN DAN KESIHATAN NEGERI JOHOR

*Mohd Anizam Jamian
Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor*

1.1 Pendahuluan

Cetusan idea Almarhum Tunku Abdul Jalil Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Laksamana Johor untuk mewujudkan sebuah yayasan kebajikan yang bertujuan membantu pesakit kanser dan ahli keluarga pesakit kanser telah disambut baik dan diperkenankan oleh ayahandanya, DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Johor. Cetusan idea ini wujud rentetan daripada kesedaran Almarhum Tunku Abdul Jalil sendiri bahawa kos membiayai rawatan kanser memerlukan perbelanjaan besar yang tidak mampu ditanggung oleh kebanyakan pesakit. Hasilnya, pada tanggal 26 Jun 2015 Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor telah selamat didaftarkan dengan keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah seramai tujuh orang dan dipengerusikan sendiri oleh DYMM Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sutan Idris Shah, Permaisuri Johor. Namun begitu, disebabkan keadaan kesihatan Tunku Abdul Jalil yang semakin tidak memuaskan, pergerakan Yayasan ini pada ketika itu tidak dapat diatur dan digerakkan dengan sepenuhnya, tambahan pula belum ada lantikan pegawai dan kakitangan yang akan mengendalikan perjalanan dan pergerakan Yayasan ini pada ketika itu.

Tanggal 5 Disember 2016, seluruh warga Bangsa Johor diselubungi rasa sedih dan berdukacita atas pemergian Almarhum Tunku Abdul Jalil, mengadap Illahi akibat penyakit kanser hati tahap empat yang dideritainya. Hampir setahun Almarhum Tunku Abdul Jalil bertahan melawan kanser yang dihidapinya semenjak didiagnos positif kanser hati pada penghujung tahun 2014. Kecekalan dan kesungguhan Almarhum Tunku Abdul Jalil melawan kanser banyak diceritakan di

PENGURUSAN ISTIADAT DAN MAJLIS PELANTIKAN SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

Hazlina Jalil
Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

Abdul Rahim Ramli
Yang DiPertua Jumaah
Majlis DiRaja Johor

2.1 Pendahuluan

2.1.1 Pengenalan

Amalan istiadat dari segi bahasa bererti peraturan atau cara melakukan sesuatu yang telah menjadi kebiasaan manakala amalan istiadat dari segi pemakaian pula bererti perkara atau perbuatan biasa yang dilakukan, yang memperlihatkan penghormatan atau darjah seseorang (Jabatan Perdana Menteri, 2010).

Peraturan amalan protokol pula merujuk kepada perkara yang perlu diikuti dalam istiadat rasmi. Amalan protokol dari segi pemakaian bermaksud sesuatu perbuatan yang dilakukan dalam istiadat rasmi mengikut aturan atau peraturan yang diterima pakai (Jabatan Perdana Menteri, 2010). Dalam menguruskan penganjuran sesuatu majlis, amalan istiadat dan amalan protokol perlu diikuti dalam memastikan sesuatu majlis dapat berlangsung dengan sempurna dan teratur. Berdasarkan Buku Garis Panduan Amalan Istiadat dan Protokol Dalam Majlis Rasmi Kerajaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri, serta amalan kerajaan negeri Johor majlis boleh dibahagikan kepada lima taraf iaitu :-

i. Majlis Rasmi Beristiadat

Majlis yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri atau Jumaah Majlis DiRaja dimana Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat hadir. Pakaian bagi majlis ini ialah pakaian rasmi beristiadat, iaitu bagi dif

JOHOR BERKEMAJUAN, BERBUDAYA DAN BERTEKNOLOGI: MODEL PEMBANGUNAN LESTARI

*Rosman Md. Yusoff
Kassim Thukiman*

3.1 Pendahuluan

Dalam tahun 1994, penulis telah menulis sebuah artikel bertajuk “Berbudaya dan Berteknologi” hasil daripada pencerapan penulis terhadap kegilaan masyarakat kita terhadap teknologi baharu. Tahun 1990 dikenali sebagai era ledakan teknologi. Tentunya teknologi yang dikenali ketika itu jauh berbeza dengan apa yang ada sekarang. Walau pun apa yang diperhatikan ketika itu, pemimpin-pemimpin di semua peringkat ghairah menggalakkan masyarakat untuk berbudayakan teknologi. Apa silapnya dengan konsep berbudayakan teknologi? Dalam artikel itu dijelaskan “Jika diperhatikan dengan teliti, teknologi semakin menguasai kehidupan manusia. Penguasaan teknologi maklumat berjaya mewarnai pemikiran ramai manusia”. Penulis telah memberi contoh “umpamanya media barat berjaya mencorak pendapat umum yang Islam itu “keganasan, merampas kapal terbang, bom kereta, penculikan”. Kesemuanya ini masih relevan sehingga hari ini sehinggakan yang menceroboh dianggap teraniaya, manakala yang diceroboh pula dianggap menganiaya.

Segala kepincangan itu berlaku, pada pandangan penulis ketika itu berpunca daripada “kesilapan manusia yang bertuankan teknologi... kehidupan yang cenderung kepada berbudayakan teknologi iaitu suatu kehidupan yang terlalu bergantung kepada teknologi”. Lalu penulis mencadangkan konsep berbudaya dan berteknologi iaitu satu konsep yang membawa maksud pembangunan dalam bidang sains dan teknologi yang berteraskan kepada nilai budaya yang murni iaitu teknologi tetap sebahagian daripada budaya dan sentiasa dikawal oleh budaya dan bukannya teknologi yang mempengaruhi budaya. Aspek kemanusiaan, kesejahteraan, kemakmuran dan keredaan Ilahi adalah

PENGAMBILAN TANAH DI JOHOR: SUATU TRANSFORMASI BAHARU

Azmi Rohani
Setiausaha Kerajaan Johor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

4.1 Pendahuluan

Secara amnya, terdapat pelbagai kaedah perolehan tanah untuk melaksanakan sesuatu projek pembangunan iaitu sama ada melalui pelupusan tanah, perizaban, pindah milik atau pengambilan tanah yang mana semua kaedah ini memerlukan kepada penglibatan pelbagai pihak (Azura, 2016). Kaedah perolehan tanah ini tidak hanya melibatkan pelbagai pihak, malahan, ianya hendaklah dilaksanakan mengikut proses dan prosedur melalui saluran undang-undang bagi menjaga kepentingan semua pihak (Ismail, 2015). Bagi perolehan tanah melalui kaedah pengambilan tanah, walaupun ia dilihat sebagai satu proses yang merupakan pematuhan kepada kehendak undang-undang sepenuhnya, namun kaedah ini merupakan kaedah yang sering kali dilaksanakan sama ada pengambilan di bawah Seksyen 3(1)(a)(b) atau (c).

Walau bagaimanapun, isu yang sering kali berbangkit mengenai pengambilan tanah adalah isu kelewatan yang pastinya akan membawa kepada kelewatan bagi sesuatu projek pembangunan dilaksanakan dan seterusnya memberikan persepsi yang tidak elok kepada pentabiran tanah termasuklah isu integriti (Azurawati, 2016).

Bagi negeri Johor, kesemua proses pengambilan tanah dilaksanakan oleh Pentadbiran Tanah Negerinya secara tersendiri tanpa melibatkan penglibatan mana-mana pihak. Hal ini bermakna, dari awal penerimaan permohonan sehinggalah ke proses siasatan dan urusan-urusan yang berkaitan dengan dokumen hak milik daftar seperti disahkan dan lain-lain dilakukan oleh Pentadbir Tanah dan mereka yang berada di pejabat tanah itu sendiri. Tidak seperti di negeri-negeri lain di Semenanjung apabila proses pengambilan tanahnya dikendalikan oleh

PROSES BANTAHAN DALAM PENGAMBILAN TANAH : PROSEDUR YANG PERLU DIFAHAMI

*Amirul Haffiz Ariff
Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan)*

*Suhailizan Suliman
Timbalan Pengarah II (Pentadbiran)
Pejabat Tanah dan Galian Johor*

5.1 Pendahuluan

Pengambilan tanah merupakan salah satu mekanisme untuk mendapatkan tanah bagi merealisasikan sesuatu rancangan pembangunan. Namun demikian, proses tersebut adalah sesuatu yang sukar diterima secara positif oleh tuan tanah, malah sering digambarkan sebagai suatu proses yang tidak adil kerana adanya elemen pengambilan secara paksaan.

Walau bagaimanapun, Artikel 13 Perlembagaan Persekutuan menyatakan, “Tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang” dan “tiada undang-undang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa melainkan dengan pampasan yang mencukupi” (Perlembagaan Persekutuan). Justeru Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 telah digubal oleh parlimen untuk memproses pengambilan tanah dan membayar pampasan yang mencukupi.

Pendapat mengenai pemberian pampasan yang mencukupi mungkin berbeza di antara seorang individu dengan individu yang lain. Amaun pampasan mencukupi membawa kepada keadilan kepada semua pihak terutamanya pemilik yang tanah mereka terlibat dengan pengambilan untuk maksud pembangunan. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan pampasan itu mencukupi maka APT 1960 telah memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang berkepentingan boleh membuat bantahan ke mahkamah sekiranya mereka tidak berpuas hati ke atas amaun pampasan yang diputuskan oleh Pentadbir Tanah.

IMPAK PELAKSANAAN PROJEK PENSWASTAAN PEMBANGUNAN TANAH DI NEGERI JOHOR

Natazha Hariss
Ketua Penolong Setiausaha
Unit Perancangan Ekonomi Johor

6.1 Pendahuluan

Penswastaan adalah proses perubahan pemilikan dan kawalan. Penswastaan juga membawa maksud tindakan atau perihal untuk memindahkan perkhidmatan dan perusahaan yang diuruskan oleh kerajaan kepada pengendalian pihak swasta. Penswastaan juga dapat didefinisikan sebagai pelaburan atau kepentingan kerajaan sama ada yang sedia ada atau yang baharu dikendalikan oleh sektor swasta. Keseluruhannya dapat difahami bahawa penswastaan adalah suatu proses pemindahan aktiviti dan fungsi yang pada tradisinya merupakan tanggungjawab sektor awam kepada sektor swasta.

Konsep ini adalah berlainan dengan konsep pemilik negaraan (*nationalization*) yang bertujuan untuk menambahkan hak milik dan penguasaan kerajaan dalam kegiatan ekonomi (Yusof, 1993). Kelebihan utama penswastaan ialah memupuk etika kerja yang cekap dan produktif di kalangan pekerja memandangkan sektor swasta sememangnya diketahui lebih cekap dan lebih bermotivasi (Okposin, 2003).

Kemelesetan ekonomi pada awal dekad 1980-an telah menjejaskan kemampuan kerajaan untuk membiayai program pembangunan negara dan telah menyebabkan kerajaan perlu menyelaras semula perbelanjaan sektor awam. Selaras dengan perkembangan pesat penyesuaian semula sektor awam di seluruh dunia pada pertengahan dekad 1980-an, Malaysia tidak terkecuali dalam mengambil langkah yang sama. Kerajaan telah mengenal pasti, memilih dan menyerahkan beberapa pembekal perkhidmatan awam kepada pihak swasta dengan tujuan mengurangkan penglibatan kerajaan dalam sektor ekonomi serta pada masa yang sama meringankan beban kewangan negara. Antara pendekatan yang telah dan sedang digunakan oleh kerajaan untuk



BAB 7

CABARAN PENGURUSAN SUMBER AIR DI JOHOR

Abdul Rashid A. Rahman
Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan Pendidikan YPJ Sdn. Bhd.

7.1 Pendahuluan

Air adalah kurniaan Tuhan. Air hujan yang turun ke bumi perlu diurus dengan baik bagi mengelakkan bencana seperti banjir, kemarau, wabak penyakit atau kemerosotan penghasilan tanaman. Pengurusan sumber air melibatkan perancangan, penilaian, dan ramalan terhadap sumber-sumber air secara sistematik, cekap dan optimum tanpa membazir untuk menjamin bekalan air kepada pengguna sentiasa bersih dan berterusan. Justeru sumber air yang ada mestilah diurus dan diselenggara dengan bijak bagi memenuhi keperluan masa kini dan akan datang tanpa mengorbankan alam sekitar.

Semasa pendudukan British di Tanah Melayu, pengurusan sumber air terletak dibawah tanggungjawab Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan Jabatan Kerja Raya (JKR). PTG bertanggungjawab untuk mengawal aktiviti di kawasan sungai dan JKR pula bertanggungjawab menjaga keadaan fizikal sungai seperti penjagaan struktur tebing dan kelancaran aliran air. Pada hari ini, tugas tersebut telah berpindah kepada Badan Kawalan Selia Air Johor (BAKAJ) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Apabila negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, bidang kuasa pengurusan sungai masih dikekalkan di bawah tanggungjawab kerajaan negeri seperti yang termaktub dalam Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.



PENGURUSAN PEMBANGUNAN WANITA: PENGALAMAN YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA DARUL TA'ZIM

*Khalid Jusoh
Ketua Eksekutif
Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim*

8.1 Pendahuluan

Dewasa ini, pembangunan yang sungguh pesat sedang berlaku di Malaysia amnya dan negeri Johor khususnya telah menimbulkan beberapa gejala yang menimpa kesejahteraan kehidupan berkeluarga. Wanita menjadi fokus utama berasaskan kepercayaan bahawa kesejahteraan wanita akan membawa kepada kesejahteraan keluarga keseluruhannya. Dengan ini, kesan kesejahteraan keluarga yang baik memberi impak jangka masa pendek dan jangka masa panjang kepada komuniti di negeri Johor. Oleh kerana gejala sosial membawa akibat buruk kepada wanita dan kekeluargaan, satu usaha untuk mencari penyelesaiannya perlu dipertingkatkan.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim telah memberi mandat kepada Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) bermula pada 1 Oktober 1997 dalam merangka pelan tindakan dan strategik khusus bagi wanita serta keluarga meliputi segala aspek dan aktiviti kehidupan wanita amnya dan keluarga khususnya. Dengan tumpuan perhatian kepada aspek-aspek pengurusan, pendidikan, politik, ekonomi dan sosial, maka penubuhan YPKDT dapat mengukuhkan institusi kekeluargaan dan membawa wanita dalam arus pembangunan. Hal ini sekali gus dapat menangani masalah sosial yang boleh menyekat kemajuan wanita dan kekeluargaan di negeri Johor.

Justeru, artikel ini bertujuan untuk menyelidik segala pencapaian YPKDT dalam memperkasakan wanita seiring pembangunan di negeri Johor. Pembuktian penulisan diperincikan dan dibuktikan melalui kejayaan-kejayaan pelbagai aspek yang dikecapi bermula penubuhan YPKDT sehingga kini.

PENILAIAN PRESTASI: KRITERIA KE ARAH PELAKSANAAN YANG LEBIH EFEKTIF

*Abd Rahman Ahmad
Salwahida Mohd Mohaiyidin
Rozilah Kasim*

9.1 Pendahuluan

Penilaian prestasi terus menjadi salah satu fungsi yang paling penting dalam pengurusan sumber manusia di abad ke-21 (Ahmad & Bujang, 2013). Hal ini kerana, prestasi para pekerja merupakan faktor utama bagi sesebuah organisasi untuk menjadi lebih efektif dan berdaya saing berbanding organisasi yang lain. Oleh itu, organisasi akan menerima kesan langsung yang bersifat negatif sekiranya sistem penilaian prestasi yang dijalankan dilihat sebagai satu proses yang tidak teratur, bersifat tidak adil dan menindas pekerja kerana motivasi pekerja akan terjejas dan produktiviti tidak akan mencapai tahap kualiti yang sebenar (Ahmad, Ismail, & Wan, 2007). Pelaksanaan penilaian prestasi yang efektif dan berjaya boleh membantu sesebuah organisasi dalam mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pekerja, perkembangan dan pembangunan mereka serta dapat memberi maklum balas mengenai prestasi sebenar dan status kerja yang berkaitan kepada mereka (Saini & Rajpoot, 2013). Secara umumnya, penilaian prestasi yang baik dan efektif membolehkan sesebuah organisasi memantau sejauh mana faktor pekerja dapat menunjang tujuan dan objektif organisasi tersebut (Zakaria & Mohamed, 2005).

Dalam usaha sebuah organisasi untuk meningkatkan prestasi pekerjanya terdapat juga beberapa kecacatan dan kepingangan dalam penilaian prestasi yang dilaksanakan (Razali, 2006). Sebahagian besar kelemahan dan kegagalan berkaitan penilaian prestasi adalah melibatkan kelemahan penyelia dalam menguruskan proses penilaian prestasi pekerja secara adil dan persepsi negatif pekerja mengenai proses penilaian prestasi yang dijalankan. Antara permasalahan yang wujud adalah penyelia cenderung membuat penilaian yang kurang

PERANAN KOMITMEN PEKERJA DALAM HUBUNGAN ANTARA GAYA KEPIMPINAN DAN KEBERKESANAN ORGANISASI

*Khairunesa Isa
Rosman Md. Yusoff
Rozilah Kasim*

10.1 Pendahuluan

Keberkesanan dan prestasi organisasi biasanya dikaitkan dengan gaya kepimpinan ketua yang berkesan di organisasi. Gaya kepimpinan sering dikaitkan dengan prestasi atau keberkesanan sesebuah organisasi kerana stigma masyarakat mempercayai bahawa seorang kredibiliti pemimpin merupakan mekanisme utama dalam menentukan hala tuju dan pencapaian matlamat sesebuah organisasi. Banyak organisasi-organisasi yang berjaya akan dilihat sebagai hasil kendalian atau kepimpinan seorang ketua yang unggul dan berkesan tanpa mengambil kira faktor-faktor lain juga sebenarnya turut mempengaruhi. Misalnya seperti Syarikat Penerbangan Tambang Murah Air Asia, masyarakat akan melihat bagaimana kecekapan dan kelicikan Tan Sri Tony Fernandez dalam merancang, menyusun dan melaksanakan tindakan-tindakan yang mampu menaikkan prestasi dan nilai keuntungan Air Asia namun jarang masyarakat melihat bagaimana keadaan Air Asia sekiranya mereka tidak dibantu atau disokong oleh pasukan pramugari dan pramugara mereka.

Bukan sahaja memainkan peranan penting dalam mempengaruhi prestasi organisasi, seorang pemimpin juga berperanan dalam hal ehwal pengurusan organisasi. Seorang pemimpin yang berkesan biasanya mampu memainkan beberapa peranan penting dalam satu masa seperti sebagai seorang perunding, jurulatih, perancang, pembuat keputusan dan juga pelaksana. Seorang pemimpin tidak hanya menumpu kepada persekitaran luaran organisasi seperti perhubungan dengan pemegang taruh (*stakeholder*), pelanggan dan kestabilan sosioekonomi politik negara malah lebih penting bagi seorang pemimpin untuk memantau serta memastikan persekitaran dalaman organisasinya berada dalam

LAMAN KREATIF MAJLIS PERBANDARAN KLUANG: 'CONNECTING THE DOTS'

Ismail Abu
Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor

Nasri Md Ali
Yang Dipertua
